

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

*Public Performance Malaysia Sdn. Bhd.* atau PPM telah ditubuhkan pada 3 September 1988 dibawah Akta Syarikat 1965. PPM merupakan sebuah badan kutipan royalti (*Collective Management Organization - CMO*) yang menjalankan aktiviti kutipan royalti bagi pihak pemunya hak cipta yang terdiri daripada syarikat rakaman.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Ipoh Timur berhubung isu penyalahgunaan kuasa oleh PPM atau mana-mana Badan Pelesenan yang telah diisyiharkan oleh Pengawal Hak Cipta atau Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), peruntukan di bawah Seksyen 27A, Akta Hak Cipta 1987 telah memberi kuasa kepada Pengawal Hak Cipta untuk membatalkan pengisytiharan sesebuah badan kutipan royalti sekiranya ianya didapati benar berlaku. Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu pembatalan perisytiharan dibuat, pihak kami perlu mendapatkan maklumat berkaitan bentuk penyalahgunaan kuasa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur secara bertulis bagi membantu siasatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timur, PPM telah diisyiharkan pada 5 Mac 2013. Perisytiharan yang dibuat adalah berdasarkan kepada semakan yang dibuat terhadap Dokumen Konstituen PPM dan melihat kepada keupayaan PPM melaksanakan tanggungjawab serta tadbir urus yang telus dan mempunyai akauntabiliti terhadap ahli – ahli yang telah memberi mandat kepada mereka.

Sekiranya isu kadar tarif merupakan aduan yang dikemukakan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur, pengguna karya hak cipta yang

tidak berpuas hati terhadap kadar tarif yang ditetapkan oleh PPM atau mana – mana Badan Pelesenan melalui skim pelesenan yang ditawarkan, pengguna karya hak cipta boleh merujuk kepada Tribunal Hak Cipta untuk tujuan semakan dan ketetapan fi yang bersesuaian. Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timur, hanya satu rujukan kes yang difailkan terhadap PPM berhubung dengan isu kadar tarif ini. Walaubagaimanapun, pihak kami belum boleh memberi maklumat lanjut kerana kes ini masih belum didengar oleh Tribunal Hak Cipta. Apa yang ingin pihak kami kongsikan di sini adalah bahawa pengguna-pengguna boleh memfailkan rujukan kes di Tribunal Hak Cipta untuk tujuan semakan kadar tarif.

Rujukan kes kepada Tribunal Hak Cipta sebagai jalan penyelesaian isu kadar bayaran royalti sekiranya kaedah rundingan yang dibuat bersama mana-mana badan pelesenan tidak mencapai persetujuan berhubung kadar tarif tersebut. Manakala badan pelesenan pula disaran mempertimbangkan kadar munasabah untuk terus menerima sokongan dari premis perniagaan membuat bayaran royalti di masa hadapan.

Kementerian juga ingin memaklumkan bahawa pada ketika ini, MyIPO sedang dalam proses penyediaan draf Peraturan-peraturan baru bagi meminda Peraturan Hak Cipta 2012 untuk tujuan penambahbaikan dan mengukuhkan sistem pemantauan terhadap pengoperasian badan kutipan royalti yang lebih jelas, telus dan akauntabiliti untuk menjaga kepentingan penggiat-penggiat seni dan membantu pengguna-pengguna karya berhakcipta dalam menyokong industri kreatif tanah air.